

KEPENTINGAN LATAIF QURANIYYAH DALAM PEMBANGUNAN JATI DIRI DAN ADAB DI ERA ENDEMIK COVID-19

Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi^{1*}, Nurul Adillah Mohammad Tormizi²

^{1,2}Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

*Corresponding author: p105394@siswa.ukm.edu.my

Abstrak: Pandemik Covid-19 telah mengubah landskap pendidikan di seluruh dunia iaitu pembelajaran jarak jauh menggunakan teknologi digital tanpa kehadiran fizikal. Pasti norma baharu ini memberi kesan pada aspek nilai-nilai kemanusiaan apabila segala urusan pembelajaran digantikan dengan pelbagai peranti. Sebagai Muslim yang meyakini sumber agama, al-Quran kekal relevan menghidangkan penyelesaian manusia sejak berzaman. Kemunculan wacana Lataif Quraniyyah sebagai konsep baharu dalam tadabbur al-Quran yang menyentuh aspek nilai-nilai kemanusiaan dan kerohanian dilihat membantu manusia menghadapi cabaran ini. Artikel ini bertujuan mendedahkan konsep Lataif Quraniyyah yang mencungkil rahsia-rahsia disebalik ayat al-Quran sehingga mendorong manusia melihat dengan pandangan hati bahawa semua yang berlaku dibawah pentadbiran Allah Ar-Rahman. Impaknya, manusia akan memakai 'pakaian' redha dan baik sangka dengan Allah sehingga terpantul sifat ithar dan menyantuni dengan penuh adab sesama manusia meskipun hanya dihubungkan dengan teknologi digital.

Kata kunci: lataif quraniyyah, tadabbur al-Quran, pendidikan pasca Covid-19, pembangunan jati diri

Pengenalan

Perkembangan teknologi digital telah mengambil alih peranan manusia dalam urusan harian. Penggunaan pelbagai peranti semakin meningkat apabila pandemik Covid-19 melanda. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diarahkan kerajaan menyebabkan segala urusan manusia hanya dilakukan di rumah. Pelaksanaan pendidikan juga mendapat tempas yang sama dimana pengajaran dan pembelajaran (PnP) hanya dilakukan secara atas talian menggunakan pelbagai peranti. Oleh yang demikian, pelajar lebih banyak berkomunikasi di atas talian berbanding bersemuka. Perubahan yang berlaku terhadap fenomena kehidupan manusia kini telah mewujudkan tekanan emosi dan mental yang memberi implikasi yang besar terhadap kesejahteraan pelajar terutamanya daripada aspek jati diri dan kesihatan mental (Soon Mui Peng & Shahlan Surat, 2021).

Dalam masa yang sama, al-Quran sebagai mukjizat yang dibekalkan oleh Nabi Muhammad saw kekal menjadi rujukan dan panduan dalam mendepani cabaran hidup yang mendatang. Penggalian terhadap ilmu al-Quran diteruskan sehingga kemunculan wacana Lataif Quraniyyah yang memfokuskan aspek keterhubungan dengan Allah swt dilihat sebagai motivasi yang hadir tepat pada masanya. Nilai-nilai Lataif Quraniyyah memberi manfaat yang besar pada kesihatan mental dan kerohanian jiwa andai direnungi dengan pandangan mata hati seterusnya mendorong manusia mengekalkan baik sangka dan optimis dalam konteks perhubungan dengan Allah swt dan hubungan dengan manusia sekeliling.

Kajian Literatur

Cabaran Pendidikan Pasca Covid-19

Aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 tetap diteruskan meskipun pandemik Covid-19 telah mengubah landskap pendidikan sedia ada secara drastik iaitu memastikan semua pelajar mendapat pendidikan berterusan dalam memperkembangkan proses kemenjadian pelajar. Usaha ini untuk memastikan pelajar mendapat pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional (Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor 2021). Pandemik ini telah mengubah pembelajaran konvensional iaitu secara bersemuka dengan kehadiran fizikal kepada pembelajaran secara atas talian. Ia juga dikenali sebagai pembelajaran jarak jauh, tidak memerlukan kehadiran fizikal dan memerlukan talian internet untuk melaksanakannya (Maimun Aqsha Labis et al. 2021). Terdapat beberapa pendekatan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PnP) iaitu pendekatan dalam talian menggunakan internet dan peranti, pendekatan pembelajaran secara langsung (*realtime*) menggunakan aplikasi yang berbagai seperti *Zoom* dan pendekatan luar talian yang memerlukan peranti tanpa capaian internet di tempat yang dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor 2021).

Perubahan ini telah memberi kesan dan cabaran kepada pihak tertentu dalam memastikan pembelajaran berjalan lancar seperti cabaran penggunaan teknologi digital. Tenaga pengajar perlu meningkatkan kemahiran teknologi (Maimun Aqsha Labis et al. 2021) dan penyampaian ilmu (Norliza, 2013) supaya pengajaran menjadi lebih kreatif dan inovatif mengikut kesesuaian pelajar. Walau bagaimanapun, apabila pembelajaran berlangsung, komunikasi dua hala antara pengajar dan pelajar ataupun sesama pelajar tidak dapat dilaksanakan dengan baik atas faktor masa dan kelajuan data internet (Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor 2021). Faktor kurangnya kemudahan infrastruktur berteknologi di kawasan luar bandar (Raja Nazrin Abdullah et al. 2019) dan kesesuaian bentuk kursus yang melibatkan amalan praktikal seperti sukan, kejuruteraan dan kajian perubatan (Adedoyin & Soykan, 2020) juga membantutkan kelancaran pembelajaran harian.

Selain itu, kemampuan ibubapa dalam menyediakan peranti yang bersesuaian dan kemudahan jalur lebar untuk pembelajaran anak-anak terutama golongan berpendapatan rendah menjadi cabaran utama yang perlu diambil perhatian (Mohd Norazmi et al. 2021). Keadaan ini pastinya memberi kesan kepada motivasi dalam kalangan pelajar, guru mahupun ibu bapa (Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor 2021). Pembelajaran di rumah menjadi cabaran kritikal kepada pelajar dalam mengekalkan momentum dalam kelas kerana berada di dalam zon selesa sehingga menyukarkan pembahagian masa. Kesediaan pelajar mengikuti kelas bergantung kepada peranti, pelan data dan motivasi diri (Ribhan Ibrahim & Asmah Mohd Subari @ Sarman 2021). Komitmen dan motivasi yang tinggi diperlukan oleh pelajar terhadap kursus yang diambil meskipun kaedah pembelajaran yang berbeza daripada sebelumnya (Amir et al., 2020). Zamry et al. (2021) menekankan bahawa pelajar mestilah mempunyai keinginan untuk belajar, berdisiplin, dapat mengurus masa dengan baik dan mempunyai kesedaran masa untuk mendapatkan pendapat atau nasihat daripada guru atau pensyarah yang mengajar jika mengalami masalah kefahaman pembelajaran.

Meskipun pelbagai cabaran perlu ditempuh, namun pendidikan atas talian juga memberi hikmah yang dapat dihayati seperti menyemarakkan lagi konsep pembelajaran secara maya yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak 1996. Suasana ini akan mendorong kepelbagaian pedagogi pendidikan yang bersesuaian dengan pelajar maka pelajar akan terdidik supaya menghargai ilmu meskipun tidak dapat hadir ke kelas secara fizikal. Pelajar mula mempersiapkan diri untuk menghadapi pembelajaran yang lebih moden pada

masa akan datang di mana norma baharu ini juga menguji keabsahan adab antara pelajar dengan guru. Oleh itu, adaptasi adab yang diketengahkan oleh al-Ghazali(1987) perlu disesuaikan seperti pendidik menerapkan nilai mengikhhlaskan diri dalam menyampai dan menuntut ilmu, berpakaian sopan dan menutup aurat, menepati masa, amanah dengan tugas diberi, taat dan fokus terhadap guru dan menghargai jasa guru dan kesabaran pelajar (Ribhan Ibrahim & Asmah Mohd Subari @ Sarman 2021).

(1) Pembangunan Jati Diri Dan Adab Cabaran Mendepani Pandemik Covid-19

Cabaran hidup semakin berganda apabila pandemik Covid-19 telah meluaskan jurang antara manusia dengan manusia lain sehingga menghakis nilai keinsanan dan kesejahteraan sendiri tanpa disedari (Abdul Rashid Abdul Aziz et al. 2020). Komunikasi secara alam maya memperlakan fungsi mental kerana keterikatan manusia kepada teknologi yang dikenali sebagai *transhumanisme*. Konsep ini mendorong manusia bertindak sebagai mesin atau berfungsi seperti peralatan yang tidak bernyawa bercirikan kepantasan, kecekapan, kecerdasan, tanpa henti dan sebagainya (Adam Badhrulhisham et al. 2019). Pasti dunia tanpa 'roh' atau 'hati nurani' ini menolak segala aspek kemanusiaan, keperihatinan, kesejagatan, kesejahteraan dan sebagainya menyebabkan masyarakat masih bergelut dengan manusia tanpa 'roh' yang bermaharajalela meruntuhkan alam sekitar sesuka hati. (Adam Badhrulhisham et al. 2019). Generasi kini juga dilihat cenderung menggunakan teknologi digital berbanding merenung kejadian alam dan kuasa pencipta (Nur Anis Abdullah et al. 2018). Oleh yang demikian, pembelajaran atas talian yang menggunakan segala peranti dan teknologi digital sepenuhnya dilihat lebih menambah sekam dalam api. Kini, cabaran generasi bertambah rumit apabila perlu berhadapan dengan pelbagai krisis pembangunan fizikal negara (Yazilmiwati Yaacob & Rozaini Ahmad, 2019) dan krisis dalaman seperti modal insan, nilai murni dan sahsiah (Nor Anisa Musa et al. 2021). Justeru, bertambah besar peranan semua pihak dalam melahirkan pelajar dengan jati diri dan adab yang jitu.

Strategi pembangunan jati diri bangsa bermula dengan pendidikan pembentukan karakter ketika usia remaja (Nor Anisa Musa et al., 2021). Keberjayaan proses pendidikan terutamanya berdasarkan prinsip nilai islam (Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar, 2012) akan melahirkan individu yang berakhlak mulia, bertamadun, mempunyai jati diri dan tidak mudah terpengaruh dengan anasir jahat serta terhindar perlakuan negatif dalam masyarakat (Mastura Bohari & Farawahida Mohd Yusof, 2020). Isu dualisme dan sekularisme dalam proses pendidikan yang telah memisahkan antara ilmu duniawi dan ukhrawi (Nur Anis Abdullah et al. 2018) seperti pengimportan pendidikan dari barat menyebabkan pendidikan ketandusan aspek kerohanian (Makmur Harun, 2015; Syamila Syamim Mohamad Yatim & Che Zarrina Sa'ari, 2020). Rohana Hamzah & Nurul Ain Fatehah Baharuddin (2018) mendapati perhubungan dengan pencipta (kecerdasan spiritual) antara empat masalah utama yang dihadapi oleh pelajar universiti.

Fasa psikologikal remaja berdepan dengan cabaran hawa nafsu yang berupaya melemahkan motivasi diri (Nur Shahidah Pa'ad et al. 2020) sementara kebebasan hidup di peringkat pengajian tinggi tanpa kawalan ibu bapa mendedahkan pelajar dalam masalah-masalah sosial jika tidak mempunyai jati diri yang teguh (Rohana Hamzah & Nurul Ain Fatehah Baharuddin, 2018). Kegagalan pelajar dalam membentengi diri dari anasir jahat akan memberi implikasi negatif terhadap aspek emosi dan mental seperti mudah berputus asa, kemurungan dan tekanan perasaan tambahan jika tidak mendapat sokongan sosial, ekonomi, emosi dan rohani (Rezki Perdani Sawaii et al., 2020).

Kembali kepada agama adalah penyelesaian yang relevan sepanjang zaman kerana agama akan memandu kehidupan manusia dengan kebaikan dan keharmonian. Aspek

kerohanian dan nurani dilihat menjadi pemangkin utama dalam mendepani cabaran dunia tanpa 'roh' ini. Perkembangan Revolusi Industri 4.0 juga tidak lagi ditanggapi dari kaca mata teknologi duniawi malahan aspek akidah dan akhlak yang akan dimanfaatkan demi kesejahteraan masyarakat. Pendidikan akhlak perlu dititikberatkan dalam kalangan remaja hasil kesepaduan usaha dari rumah, sekolah dan universiti berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi jurang nilai antara Barat dan Timur (Islam) (Adam Badhrulhisham et al., 2019). Akhlak adalah cerminan kefahaman agama seseorang sebagai satu sistem kehidupan yang lengkap lantaran meletakkan makna kedudukan diri iaitu hamba di sisi Tuhan yang Esa (al-Attas, 2015)

Modul Pembangunan Jati Diri dan Adab

Jati diri merupakan harga diri bagi menggambarkan peribadi watak setiap bangsa dan suku kaum yang didokong dengan kekuatan jiwa dan perasaan yang tekak, tabah, berteguh, berpasak kukuh dalam jiwa walaupun diganggu-gugat (Zamri Mahamod et al., 2017). Terdapat beberapa modul pembangunan jati diri dan pemantapan sahsiah bagi mengisi ruang kelompongan pendidikan sedia ada. Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) wajar dipuji kerana memfokuskan kepada kemenjadian pelajar dalam membina sahsiah diri pada aspek kecerdasan emosi, kepimpinan, spiritual, keterlibatan dan daya tahan (Nor Anisa Musa et al. 2021) namun pelaksanaan modul ini hanya terhad kepada pelajar sekolah menengah sedangkan pelajar universiti juga remaja yang mula menginjak dewasa dan mereka masih memerlukan sokongan dalam benteng pembangunan jati diri.

Perlaksanaan modul Ulul Albab yang dibina oleh Nur Anis Abdullah et al. (2018) dilihat membawa manfaat besar kerana membawa pelajar kepada konsep khalifah Allah SWT melalui tadabbur al-Quran dan tafakkur kejadian alam sehingga mencetuskan rasa taqwa kepada Allah swt. Modul ini mengambil kira matlamat teoritikal iaitu membina kemahiran insaniah dan praktikal untuk kemahiran hidup supaya dapat bersepadu dalam diri pelajar secara terancang dan bersistem. Tiga tema utama modul ini adalah surah al-Kahfi yang menyentuh sifat khalifah Ulul Albab dan surah al-Rahman yang mengkaji alam saintifik. Seterusnya melalui jalan taqwa untuk menanam matlamat hidup di dunia iaitu mencapai keredaan Allah.

Modul ini dilihat modul khusus yang memfokuskan kepada pelajar tahfiz supaya proses perlaksanaan modul lebih berkesan kerana menggunakan al-Quran sebagai wasilah tarbiah, bukan sekadar hafalan. Justeru, ia menjadi cabaran bagi pelajar universiti yang tidak mempunyai latar belakang tahfiz mahupun pengajian Islam. Modul ini boleh diekstrak menjadi sebahagian aktiviti ko-kurikulum yang mempraktikkan nilai kemanusiaan kepada khidmat masyarakat dan kesukarelawanan.

Seterusnya, modul pembangunan jati diri dalam program Motivasi Alihan Pelajar (MAP) membawa pendekatan motivasi agama iaitu pengurusan emosi dan pemikiran serta amalan yang berterusan (Nur Shahidah Paad et al., 2020). Langkah pertama melibatkan proses *muatabah*, *musharatah* dan *muraqabah*. Proses *muatabah* ini menuntut pelajar membersihkan jiwa dengan membuang sifat-sifat yang buruk dan bertaubat. Rentetan itu, perancangan dan strategi (*musharatah*) dibina supaya pelajar tidak terjatuh dalam penyakit hati seperti riyak dan sombong (Fatimah Abdullah 2011; al-Balkhi 1990; Malik Badri 2000). Strategi ini diadakan dengan *muraqabah* untuk merasai dan menghayati kebesaran Allah swt. Cabaran psikologikal remaja terhadap hawa nafsu akan mudah mendorong pelajar lari dari landasan agama dan berputus ada dalam membentuk akhlak yang baik (Amilah Awang 2014; Ariffin 1991) maka langkah kedua iaitu konsistensi amal dilakukan supaya menjadi benteng kukuh pelajar dari anasir luar.

Tiga proses dipraktik pada langkah kedua iaitu *mujahadah*, *muhasabah* dan *mu'aqabah*. Proses *mujahadah* akan melatih dan memaksa diri untuk tetap dengan matlamat dan perancangan yang telah dibina serta meninggalkan tabiat yang buruk (Mohammed Galib Hussain & S.Y. Anver Sheriff 2011). *Muhasabah* diri juga perlu dilakukan supaya pelajar dapat melihat perubahan yang berjaya dilaksanakan dan mengatasi kelemahan fizikal dan rohani yang sedia ada. Akhirnya proses *mu'aqabah* akan membina daya tahan dan meneguhkan jati diri pelajar supaya tetap berdisiplin dan tegas melawan hawa nafsu (Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid 2016; Zolkoski, S. M., & Bullock, L. M. 2012).

Meskipun terdapat modul pembangunan jati diri yang pelbagai, keperluan terhadap nilai-nilai dari sumber agama sentiasa ditunggu oleh masyarakat lantaran cabaran-cabaran keduniaan semakin menekan jiwa dan emosi. Wacana Lataif Quraniyyah yang semakin berkembang dalam pengkajian Ulum al-Quran dilihat memberi sinar terhadap masalah yang dihadapi. Lataif Quraniyyah yang memfokuskan kepada aspek penghayatan membawa manusia kepada dimensi keterhubungan dengan Allah swt sehingga melahirkan jiwa faqir seorang hamba. Ia selari dengan Elmi Baharudin & Zainab Ismail (2015) yang berpegang bahawa kecerdasan rohaniah mampu menjadikan manusia yang unggul dengan membina hubungan baik dengan Allah swt dan sesama manusia. Manusia yang memiliki spiritual dalaman (*Spiritual Quotient*) yang tinggi cenderung untuk menjadi pemimpin yang bertanggungjawab dengan membawa visi dan nilai yang lebih tinggi sehingga memberi inspirasi kepada orang lain (Rohana Hamzah & Nurul Ain Fatehah Baharuddin, 2018). Pembentukan insan hasil dari kesepaduan kecerdasan intelektual (IQ), kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan spiritual (ES) menjadi elemen penting kepada semua pelajar sebagai aset negara yang berharga (Mazura Anuar et al. 2006)

(2) Lataif Quraniyyah

Definisi Menurut Bahasa

Lataif adalah kata jamak bagi kalimah latif / latifah (Ahmad Mukhtar 2008). Kata dasar bagi kalimah ini dalam pelbagai bentuknya merangkumi makna kelembutan atau suatu perkara yang kecil (Ibn Faris 1979), suatu yang kecil, halus dan teliti (al-Jawhari 1987), dan kelembutan maknawi yang berkaitan dengan perasaan kasih sayang (al-Zabidi t.th, Ibn Manzur 1993 & Ibn Faris 1979). Dalam konteks pengucapan, lataif merujuk kepada ucapan yang halus, tersirat dan rumit untuk diungkapkan, lantaran makna yang begitu mendalam serta memerlukan kepada pengamatan yang teliti untuk difahami. Ia sinonim dengan kalimah nuktah, fawaid, isharah dan asrar (Ahmad Mukhtar 2008).

Definisi Menurut Istilah

Wacana Lataif Quraniyyah sememangnya tidak asing lagi bagi para sarjana Islam, terutamanya dalam perbincangan mengenai kemukjizatan al-Quran yang disepakati iaitu dari sudut keindahan seni bahasanya (Fadl Hassan Abbas 2008). Kalimah Lataif dapat difahami sebagai pengertian yang mendalam (Al-Jawzi 1993), pandangan yang halus dan teliti terhadap sesuatu perkara (Fadl Hassan Abbas 2007), dan penonjolan aspek keindahan dan kehebatan yang bersangatan dalam kalimah dan kalam Arab (al-Lubabidi al-Dimashqi 2013). Tidak ditemui definisi yang tuntas secara istilah bagi kalimah Lataif yang digandingkan dengan Quraniyyah oleh para sarjana.

Mutakhir, Ahmad Fakhruddin (2018) menyimpulkan bahawa Lataif Quraniyyah adalah natijah atau hasil daripada proses tadabbur al-Quran menggunakan minda aras tinggi yang didukung oleh keintelektualan yang bercerakin dengan spiritual yang cemerlang. Ia merupakan garapan antara kefahaman al-Din, Asalib al-Bayan, Ulum Quran dan Tazkiyah al-Nafs yang

memfokuskan kepada penghayatan dan kejiwaan manusia supaya merasai keterhubungan dengan Allah swt.

Kerangka Lataif Quraniyah

Kajian Ahmad Fakhrurrazi (2018) terhadap Lataif Quraniyah dalam kitab-kitab tafsir mendapati Imam al-Razi (w. 606H) telah memberikan kerangka asas terhadap wacana ini. Pertama, aspek pertautan (al-Tarabut) dan kemunasabahan (al-Tanasub) antara ayat-ayat al-Quran; kedua, kefahaman terhadap al-Din yang merangkumi ilmu Akidah, Feqh dan Tasauf; ketiga, kemahiran seni bahasa Arab terutamanya Asalib al-Bayan; keempat, aspek Tazkiyah al-Nafs sebagai penyebab dibukakan penghayatan kerohanian dalam memandang keagungan dan kasih sayang Allah; kelima, ilmu falsafah dan pemikiran dalam bidang yang pelbagai termasuklah yang berkaitan dengan kemanusiaan dan kosmologi. Halatuju Lataif Quraniyah menjurus kepada domain afektif yakni untuk merasai jiwa faqir di hadapan Allah.

Uslub Lataif Quraniyyah merujuk kepada kedudukan dan hubungkaitnya dengan ayat yang ditafsirkan. Ia seringkali berkaitan dengan beberapa perkara iaitu:

1. Taqdim dan Takhir pada kedudukan sesuatu kalimah.
2. Hikmah pada pemilihan sesuatu kalimah.
3. Perbandingan antara ayat-ayat al-Quran samada dalam surah yang sama mahupun surah yang berbeza.
4. Perbandingan terhadap sesuatu lafaz dalam sesuatu ayat mahupun beberapa ayat.
5. Perbandingan antara sesuatu surah dengan surah yang lain.
6. Lataif dari sudut pengertian yang dibawa oleh kalimah atau lafaz itu sendiri.
7. Lataif pada keseluruhan sesuatu surah secara menyeluruh.

Sebahagian Lataif Quraniyyah juga dikategorikan dengan beberapa kategori seperti:

1. لطائف لفظية iaitu lataif dari sudut lafaz (al-Razi 1999, 25:165, 26:302, 28:133, 180, 185, 209) iaitu sebanyak enam tempat.
2. لطائف معنوية iaitu lataif yang maknawi (al-Razi 1999, 28:133, 146, 184,) iaitu sebanyak tiga tempat.
3. لطائف فقهية iaitu lataif yang berkaitan dengan fiqh (al-Razi 1999, 26:260, 29:431) iaitu sebanyak dua tempat.
4. لطائف نحوية iaitu lataif yang berkaitan dengan Nahu (al-Razi 1999, 29:421) iaitu hanya di satu tempat sahaja.
5. لطائف التذكارية iaitu lataif yang berkaitan dengan peringatan dan nasihat yang memberi kesan dalam ingatan (al-Razi 1999, 31:190) iaitu hanya di satu tempat sahaja.
6. لطائف علمية iaitu lataif yang berkaitan dengan keilmuan (al-Razi 1999, 31:132) iaitu hanya di satu tempat sahaja. Lafaz Ilmiah berdasarkan kepada konteks pembicaraan Imam al-Razi dalam karyanya ini lebih merujuk kepada Ilmu Falsafah dan Mantiq, bukannya difahami sebagai Ilmu Sains menurut kefahaman kita pada hari ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Dalam kajian ini, data diperolehi melalui penulisan buku dan artikel berkaitan Lataif Quraniyyah, modul pemantapan sahsiah dan pembangunan jati diri serta cabaran pendidikan semasa pasca

Covid-19. Data yang terkumpul akan dianalisis secara induktif dan deduktif terlebih dahulu sebelum analisis tematik dilakukan bagi membentuk tema utama dan tema sampingan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kepentingan Lataif Quraniyyah Dalam Pembangunan Jati Diri Dan Adab

Lataif Qur'aniyyah adalah kaedah tadabbur yang membawa obsesi manusia untuk menggerakkan upaya afektif (kerohanian) supaya merasai terhubung dengan Allah yang bersifat Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang sebelum daripada menggerakkan upaya kognitif (intelektual) untuk memahami inti pati kandungan al-Quran. Maka apabila upaya psikomotor (fizikal) difungsikan dengan melaksanakan segala ajaran yang terkandung dalam al-Quran, manusia akan merasakan berada dalam sebuah dimensi yang diibaratkan sebagai 'kemanjaan' dengan Yang Maha Pengasih itu (Ahmad Fakhurrizi & Mohd Hisyam 2019). Implikasinya, elemen kemanusiaan dan keinsanan tidak terhakis walaupun komunikasi berlaku secara atas talian kerana manusia memakai pakaian akhlak mahmudah dalam setiap tindakan. Begitu juga apabila perkembangan teknologi semakin menguasai dunia kemanusiaan, ia tidak mudah disalahgunakan sehingga menimbulkan huru hara dalam masyarakat malah dimanfaatkan untuk kebaikan.

Contohnya pentafsiran pada Surah Ali Imran, ayat 148.

فَاتْلَهُمْ اللَّهُ تَوَابَ الدُّنْيَا وَحَسَنَ تَوَابِ الْآخِرَةِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksud:

Oleh itu, Allah memberikan mereka pahala dunia (kemenangan dan nama harum), dan pahala akhirat yang sebaik-baiknya (nikmat syurga yang tidak ada bandingannya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan.

Ketika menafsirkan ayat وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ, Imam al-Razi mendatangkan lataif bahawa ayat tersebut menyentuh hakikat perbuatan hamba yang sentiasa bergantung kepada pertolongan daripada Allah swt. Segala kebaikan yang diterima manusia samada urusan dunia atau akhirat adalah daripada pertolongan Allah swt juga. Manusia yang menghayati lataif ini akan sedar kedudukannya sebagai hamba yang tiada upaya melainkan dengan Quدرات dan Iradat Allah swt. Justeru, tidak akan terlintas di hati dan perlakuan untuk berlaku sombong kepada manusia lain atas keupayaan diri melakukan kebaikan malah akan terus melakukan kebaikan tanda kesyukuran kepada Allah swt.

Lataif Quraniyyah melalui proses pengamatan makna yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran selepas daripada berlakunya pentafsiran terhadap ayat tersebut. Jika pentafsiran al-Quran dilihat sebagai penghuraian terhadap segala perkara yang tersurat daripada ayat-ayat al-Quran, maka Lataif Quraniyyah sebagai proses pasca pentafsiran tersebut. Ia bertujuan untuk mendapatkan penghayatan terhadap pentafsiran ayat. Lataif Quraniyyah dilihat lebih mendalam daripada tadabbur al-Quran dimana ia meneruskan penggalan refleksi terhadap al-Quran di sebalik yang tersirat sehingga mencetuskan bukan sahaja sebuah penghayatan makna bahkan juga rasa yang lebih mendalam di lubuk kejiwaan dan kerohanian. Lataif Quraniyyah tidak tertakluk dengan pentafsiran ayat tersebut malah boleh sahaja merangkumi sebarang bentuk penghayatan asalkan tidak bercanggah dengan kefahaman al-Din itu sendiri Ia dapat dilihat pada Surah al-Ankabut ayat 31.

وَلَمَّا جَاءَتْ رُسُلُنَا إِبْرَاهِيمَ بِالْبَشْرَى قَالُوا إِنَّا مُهْلِكُوا أَهْلَ هَذِهِ الْقَرْيَةِ إِنَّ أَهْلَهَا كَانُوا ظَالِمِينَ

Maksud:

Dan ketika datang (malaikat) utusan kami kepada Nabi Ibrahim alaihi salam dengan membawa berita yang menggembirakan, (mereka berkata: "sebenarnya kami hendak

membinasakan penduduk bandar ini") Sesungguhnya penduduknya adalah orang-orang yang zalim.

Dua lataif yang dinyatakan adalah khabar gembira menunjukkan kerahmatan Allah swt manakala ancaman kebinasaan adalah tanda kemurkaan Allah swt dan Allah swt akan mendahulukan kerahmatan-Nya berbanding kemurkaan-Nya. Lataif kedua adalah Allah swt tidak memerlukan alasan atau sebab untuk menurunkan rahmat-Nya. Ini menunjukkan rahmat Allah swt itu sangat luas dan tidak bertepi. Berbeza dengan kemurkaan Allah swt di mana apabila Allah swt menyatakan ancaman-Nya, Allah swt memberikan sebab diturunkan adalah kerana kezaliman yang dilakukan. Jelas menunjukkan keadilan Allah swt kepada hamba-Nya. Apabila manusia menghayati lataif ini, pastinya mereka bersegera melakukan kebaikan demi kebaikan tanda kesyukuran kepada Allah swt atas nikmat yang diberi, dalam masa yang sama sedaya upaya menghindarkan diri dari melakukan kezaliman yang akan mengundang murka Allah swt. Hal ini sekaligus memperteguh jati diri supaya sentiasa mengingati Allah swt dalam setiap ketika dan menjadi asbab kebaikan kepada manusia sekeliling.

Konteks penghayatan dalam Lataif Quraniyah tertumpu kepada memaknai keterhubungan dengan Allah Yang Berkalam dalam ruangan spiritual setelah mendalami makna kalam-Nya dengan kekuatan intelektual sehingga melahirkan jiwa hamba yang tenang dalam pentadbiran Allah yang Maha Penyayang samada ketika berhadapan dengan nikmat atau ujian dalam kehidupan. Lataif Quraniyyah bukan sahaja melibatkan domain kognitif, bahkan turut mendasari domain afektif secara menyeluruh dan saksama. Oleh yang demikian, aspek Tazkiyah al-Nafs adalah faktor penting dalam proses Lataif Quraniyah.

Konsep Lataif Quraniyah turut memberi lebih penumpuan terhadap aspek hubungkait (*al-tarabut*) dan kemunasabahan (*al-munasabat*) antara ayat-ayat al-Quran serta pengamatan terhadap susunan ayat dan pemilihan perkataan dalam sesuatu ayat. Kefahaman yang ingin dicapai ialah rasa dari kehalusan makna di sebalik yang tersirat berdasarkan kesenian Bahasa Arab (*Asalib al-Bayan*) yang diikat dengan garapan kefahaman Rukun al-Din dan berselari pula dengan disiplin Ulum al-Quran. Konsep ini mempunyai keistimewaan dan keunikan tersendiri dalam mentadabbur ayat al-Quran kerana mempunyai kerangka dan disiplin ilmu yang tidak ada dalam kaedah tadabbur yang lain (Ahmad Fakhurrrazi, 2018).

Kesimpulan

Al-Quran menghidangkan penyelesaian bagi setiap kemunculan masalah mengikut zaman. Kemunculan Lataif Quraniyyah sebagai kaedah tadabbur al-Quran yang memfokuskan aspek penghayatan kerohanian menjadi benteng kepada masyarakat khususnya golongan remaja dalam memperteguh jati diri dan adab seorang muslim ketika menghadapi cabaran pembelajaran dan pengajaran atas talian disebabkan pandemik Covid-19. Maka, jati diri tidak akan terganggu gugat malah nilai-nilai adab islam kekal diamalkan meskipun komunikasi secara maya. Usaha membumikan konsep Lataif Quraniyyah perlu diteruskan supaya manfaat dirasai setiap lapisan manusia seperti diserap masuk ke dalam modul pembangunan jati diri sedia ada sebagai elemen tambahan dalam memaknai 'tanda kasih sayang' Allah dalam segenap aspek kehidupan sebagai pelajar mahupun bakal pemimpin negara.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada CRIM UKM atas dana GGPM-2019-017 yang membiayai kajian ini.

Rujukan

- Abbas, Fadl Hassan. (2007). *Al-mufasssirun: madarisuhum wa manahijuhum*. Urdun: Dar al-Nafa'is.
- Abbas, Fadl Hassan. (2008). *I'jaz al-Quran al-Karim*. Bayrut: Dar al-fikr.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan jati diri melayu-muslim menerusi pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 23-35. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin AlHaadi Shafie, Zuraina Ali & Noor Dahiah Sulhana Dzainal. (2020). Pengamalan nilai agama dalam mengatasi kemurungan semasa pandemik covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol 5 (12), 31-44. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.593>
- Adam Badhrulhisham, Muhammad Hilmi Mat Johar & Taufiq A. Rashid. (2019). Mendepani cabaran revolusi industri 4.0 (ir 4.0) dalam konteks mahasiswa: analisis menurut perspektif islam. *Jurnal Ilmi* (9), 90-10.
- Adedoyin, O. B., & Soykan, E. (2020). Covid-19 pandemic and online learning: the challenges and opportunities, *Interactive Learning Environments*. 10.1080/10494820.2020.1813180.
- Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi & Mohd Hisyam Abdul Rahim. 2019. Peranan al-lataif al-quraniyah dalam mendepani cabaran revolusi industri 4.0. *Prosiding Cabaran Pengajian Islam dalam Era Revolusi Industri 4.0*.
- Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi. (2018). Konsep Al-Lataif Menurut Imam Fakhr al-Din al-Razi Dalam Mafatih Al-Ghayb. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mukhtar, Abd al-Hamid Umar. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-Arabiyyah al-Muasirah*. Misr: Alam al-Kutub
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2015). *Islam: faham agama dan asas akhlak*. I BFIM
- Al-Balkhī, Abū Zayd Aḥmad ibn Sahl. (1990). *Maṣālih al- Abdān wa al-Anfus*. Kuwait: Dār al-Da‘wah li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1987). *Ihya' 'Ulum Al-Din*. Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Jawhari, Abu Nasr Ismail Ibn Hamad. (1987). *al-Sihah Taj al-Lughah wa Sihat al-Arabiyyah*. Tahqiq Attar, Ahmad Abd al-Ghafur. Bayrut: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- al-Jawzi, Jamal al-Din Abu al-Farraj Abd al-Rahman ibn Ali ibn Muhammad. (1993). *al-Lataif*. t.tp.:t.pt

- al-Lubabidi, Ahmad ibn Mustafa al-Lababidi al-Dimshaqi. (2013). *al-Lataif fi al-Lughah*. Riyad: Markaz al-Turath li al-Barmajiyat.
- al-Razi, Fakhr al-Din Abu Abd Allah ibn Muhammad ibn Umar. (1999M/1420H). *Mafatih al-Ghayb*. Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- al-Zabidi, Muhammad ibn Muhammad ibn Abd al-Razzaq. t.th. *Taj al-'Arus min Jawahir al-Qamus*. t.tp.: Dar al-Hidayah.
- Amilah Awang. (2014). *Moral and ethical concept in islam, dalam (ed.) Fatimah Abdullah, Islamic ethics and character building dalam psycho-spiritualwell-being: Islamic ethics and character building*, ed. Fatimah Abdullah, Selangor: IIUM Press
- Amir, L. R., Tanti, I., Maharani, D. A., Wimardhani, Y. S., Julia, V., Sulijaya, B., & Puspitawati, R. (2020). Student perspective of classroom and distance learning during COVID-19 pandemic in the undergraduate dental study program Universitas Indonesia. *BMC medical education*, 20(1), 1-8. <https://doi.org/10.1186/s12909-020-02312-0>
- Ariffin. (1991). *Psikologi da'wah: satu pengantar studi*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. (2015). Kecerdasan ruhaniah membentuk manusia unggul. *Islamiyyat* 37(2), 97-105.
- Fathiyah Mohd Fakhrudin & Asmawati Suhid. (2016). Proses Murabatah al-Nafs menurut perspektif al- Ghazali bagi membangunkan individu seimbang dan holistik. *Jurnal AL-ANWAR: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur* 2(2), 173-187.
- Fatimah Abdullah. (2011). Therapeutic ethics manging anger, negative thought and depression according to Al-Balkhī. *Jurnal Aqidah dan Pemikiran Islam* 12, 77-100.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad al-Qazwini. (1979). *Maqayis Lughah*. Jilid 5. Tahqiq Harun, Abd al-Salam Muhammad t.tp: Dar al-Fikr
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram al-Afriqi al-Misri. (1993). *Lisan al-Arab*. Jil 5. Bayrut: Dar Sadr.
- Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham Kamis, Sohaina Mohd Salleh, Zunidar, Usiono, Eka Yusnaldi, Siti Hajar Taib & Ikwana Lubis. (2021). Isu terkini pendidikan Islam di era pandemik Covid 19 di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, Vol 4 (1), 75-91.
- Makmur Harun. (2015). *Pendidikan sebagai warisan Islam: kajian dalam perspektif sejarah*.
- Malik Badri. (2000). *Contemplation: an islamic psychospiritual study*. London: Cambridge University Press.
- Mastura Bohari & Farahwahida Mohd Yusof. (2020). Pendidikan keibubapaan melalui santunan fitrah Nabi Ya'qub a.s dan pendekatannya bagi menangani salah laku remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies Full Paper*, 113- 123. <https://doi.org/10.11113/umran2020.6n3-2.426>

- Mazura Anuar, Fairuz Muhamad Darus & Syed Yusainee Syed Yahya. (2016). Memperkasakan modal insan: peranan dan cabaran kolej kediaman di Univesiti Teknologi Mara. Shah Alam: National Student Development Conference (NASDEC).
- Mohammed Galib Hussain & S.Y. Anver Sheriff. (2011). Islamic theory of motivation, insight from the Qur'ān and the Sunnah. USA: LAP Lambert Academic Publishing.
- Mohd Norazmi bin Nordin, Faiza Iqbal, Ruqia Safdar Bajwa. (2021). Challenges of parents in the implementation of teaching process and facilitation at home during movement control order for students with special needs with hearing impairment in Malaysia. *Psychology and Education Journal*. Vol 58 (2). <https://doi.org/10.17762/pae.v58i2.3633>
- Nor Anisa Musa, Nor Aniza Ahmad & Mohd Syaubari Othman. (2021). Penerapan pembentukan sahsiah melalui Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Malaysia. *International Social Science and Humanities Journal*; Vol 4 (2)
- Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor. (2021). Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah: suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities Vol 6(7)*, 416-421. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.854>
- Norliza Hussin. (2013). Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan Islam. Universiti Malaya: *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, Vol 1(2)
- Nur Anis Abdullah, Rahimah Embong & Azhar Yaacob. (2018). Pembinaan modul pemantapan sahsiah ulul albab bagi pelajar Islam. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences Vol 1(1)*
- Nur Shahidah Pa'ad, Sayyid Buhar Nasal Kassim & Abdul Rahman. Z. (2020). Pendekatan dan pengaplikasian motivasi agama dalam modul pembangunan diri remaja: Kajian terhadap Program Motivasi Alihan Pelajar (MAP). *Islamiyyat 42(2)*, 137-146.
- Raja Nazim Abdullah, Junaidah Abdul Muait & Ganefri. Students' perception towards modern technology as teaching aids. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 9(2), 7-42.
- Rezki Perdani Sawai, Noornajihan Jaafar, Joki Perdani Sawai, Mashitah Sulaiman, Roslee Ahmad & Masturina Mahazir. (2020). Pembinaan modul regulasi emosi menurut perspektif Islam: analisis keperluan. *International Seminar on Islam and Science (SAIS)*, 643-655.
- Ribhan Ibrahim & Asmah Mohd Subari. Perspektif hikmah pendidikan atas talian ketika wabak Covid-19. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol 5, 54-63. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.96>
- Rohana Hamzah & Nurul Ain Fatehah Baharuddin. (2018). Kajian rintis pembangunan modul transformasi kepimpinan diri pelajar luar kampus. *International Journal of Humanisties Technology and Civilization*. Issue 4 Vol 1, 36-57.

- Soon Mui Peng & Shahlan Surat. (2021). Pandemik Covid-19: impak terhadap kesihatan mental pelajar. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*.
- Syamila Syamim Mohamad Yatim & Che Zarrina Sa'ari. (2020). Kaedah penyelesaian masalah kerohanian dalam pendidikan anak menurut Abdullah Nasih Ulwan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Vol 3(1), 130-144.
- Yazilmiwati Yaacob & Rozaini Ahmad. (2019). Penerapan kemahiran insaniah melalui interaksi dan integriti (2icamp) modul pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Sunway Malaysia. *Practitioner Research Vol 1*, 127-154.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng. (2017). Pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar aliran pendidikan universiti awam. *Jurnal Personalia Pelajar 20* (1-10)
- Zolkoski, S. M., & Bullock, L. M. (2012). Resilience in children and youth: A review. *Children and Youth Services Review* 34(12), 2295-2303.
<https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2012.08.009>